

Headline	Guna DNA pokok dakwa pembalok		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	22 Apr 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	16	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	147 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,578
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,734



Guna DNA pokok dakwa pembalok

Malaysia negara pertama manfaat sains forensik atasi penceroboh hutan

Oleh Faiza Zainudin dan Nazura Ngah
 bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia bakal mencatat sejarah apabila muncul sebagai negara pertama di dunia yang menggunakan sains forensik sebagai bahan bukti kukuh untuk mendakwa pembalok haram.

Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Dr Abd Rahman Abd Rahim, berkata teknologi menggunakan sampel pokok dan analisis ujian asid deoksiribonukleik (DNA) itu dibangunkan bersama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan penyelidik luar negara serta dijangka dilaksana sepenuhnya menjelang 2016.

Beliau berkata, buat masa ini pihaknya hanya bergantung kepada teknologi *remote sensing*, sistem pengesanan global (GPS), rondaan di udara dan darat serta maklumat

orang ramai bagi mengesan aktiviti pencerobohan hutan simpan, hutan milik kerajaan negeri dan individu membabitkan kawasan seluas 5.8 juta hektar di Semenanjung.

“Menerusi teknologi ini yang dijangka membabitkan kos berbilion ringgit, kerajaan dapat memantau dan mengawal sumber hutan bernilai tinggi dari diceroboh dan dicuri sindiket pembalok haram.

“Kami yakin pepadanan profil DNA balok dan tunggul yang dipercayai sumber balok yang dicuri itu dapat membantu menyelesaikan isu pembalokan haram kerana setiap pokok dalam sesuatu spesies mempunyai profil DNA unik yang tidak menyerupai mana-mana profil pokok lain termasuk spesies itu sendiri.

“Sains forensik DNA pokok memperkukuhkan kes pendakwaan terhadap pencuri balok yang sebelum ini boleh terlepas kerana tiada bukti kukuh,” katanya kepada *Berita Harian* di sini, semalam.